

## Malaysia, ASEAN perlu bersedia jika Rusia berperang dengan Ukraine



ANGGOTA tentera Ukraine menjalani latihan ketenteraan bersama Amerika Syarikat dan beberapa negara NATO di Lviv. - AFP

oleh SAINI HANIFFA | 11 Disember 2021 | 10:00 am



**PETALING JAYA:** Peperangan melibatkan beberapa kuasa besar dunia tidak mustahil boleh tercetus sekiranya krisis antara Rusia dan Ukraine tidak ditangani dengan sewajarnya.

Sumber dari pihak Rusia memberitahu Utusan Malaysia, sekiranya konflik itu melarat kepada peperangan, meskipun ia tidak akan membabitkan penggunaan senjata nuklear, namun kesannya boleh memusnahkan ekonomi ASEAN termasuk Malaysia.

Katanya, Rusia dan Ukraine merupakan antara sepuluh negara pengeluar makanan terbesar dunia yang mengeksport bijirin seperti gandum, jagung dan soya.

Jika peperangan meletus antara kedua-dua negara, ia bakal menjejaskan rantaian bekalan global bagi sektor penting khususnya makanan dan Malaysia sebagai negara yang bergantung tinggi kepada import makanan akan terjejas.

"Jika krisis Rusia-Ukraine tidak ditangani dengan betul dan Amerika Syarikat (AS) serta United Kingdom (UK) pula berterusan melakukan provokasi menggunakan Pertubuhan Atlantik Utara (NATO) dan Ukraine sebagai front, dikhuatiri ia akan melarat menjadi peperangan.

"Bila perang berlaku, harga makanan akan naik mendadak, sekali gus memberi kesan terhadap negara yang bergantung kepada import termasuk ASEAN dan Malaysia," katanya.